

03 MAY 1998

BELIA 4B MAHU KERAJAAN HARAMKAN NGO YANG MEMBURUKKAN NEGARA

MELAKA, 3 Mei (Bernama) --- Pertubuhan Gerakan Belia 4B meminta kerajaan mengharamkan mana-mana pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang didapati sahih menyalurkan berita-berita palsu dan dakwah buruk ke atas negara.

Presidennya Datuk Wira Mohd Ali Rustam hari ini berkata tindakan pengharaman itu wajar supaya imej baik Malaysia terpelihara.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa Malaysia mungkin mengambil tindakan terhadap dua buah akhbar British berhubung laporan yang mendakwa pihak berkuasa Malaysia meracun dan membunuh pendatang tanpa izin Indonesia di kem-kem tahanan.

Dr Mahathir berkata pihak berkuasa mendapati laporan berita itu jelas dibekalkan oleh satu pertubuhan NGO di Malaysia yang disiarkan oleh akhbar "The Observer" dan "The Independent".

"Pebuatan NGO (yang menyalurkan laporan) itu adalah sama seperti menderhaka kepada negara dan amat dikesali, " kata Ali sewaktu ditemui pemberita di sini hari ini.

Ali berkata beliau dan barisan Exco Belia 4B akan menyampaikan nota bantahan berkaitan laporan kedua-dua akhbar itu, kepada Suruhanjaya Tinggi Britain di Kuala Lumpur esok.

Menurutnya, Belia 4B yang mempunyai 300,000 anggota di seluruh negara percaya laporan itu sengaja ditulis dengan niat serong, dan kedua-dua akhbar itu wajar meminta maaf.

-- BERNAMA

NO RI